

27/04/2000

Ahli jawatankuasa teknikal ditambah

Zulkofli Jamaludin; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa Teknikal Umno akan menambah ahlinya bagi memastikan semua aduan berhubung salah laku calon yang bertanding pada pemilihan Umno Mei ini, dapat disiasat secepat mungkin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini juga membolehkan laporan segera dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin untuk diputuskan Majlis Tertinggi (MT).

"Jawatankuasa Teknikal perlu dikukuhkan bagi memastikan semua aduan diberi perhatian dan keputusan segera dapat dibuat MT," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, di sini hari ini.

Jawatankuasa Teknikal Umno kini mempunyai enam ahli yang diketuai oleh peguam parti, Datuk Zaki Tun Azmi.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, berkata penambahan keahlian jawatankuasa teknikal itu selaras dengan pengakuan semua 15 calon Naib Presiden, Ketua Wanita serta Naib Ketua Wanita dan Pemuda dalam pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pengakuan yang dibuat di hadapan Perdana Menteri, semua calon terbabit berikrar akan menghentikan kempen serta merta dan tidak mengamalkan rasuah serta politik wang.

Abdullah berkata, Perdana Menteri juga akan menemui semua calon yang bertanding ahli MT, Pemuda dan Wanita untuk menjelaskan sekali lagi mengenai larangan berkempen.

Pada sidang akhbar itu, beliau turut mengumumkan MT menerima rayuan Umno Bahagian Bandar Tun Razak yang mesyuarat bahagian itu digantung sebelum ini dan mengarahkan Jawatankuasa Teknikal membuat siasatan semula.

"Keputusan MT dibuat selepas ibu pejabat parti menghantar pekeliling kepada semua ahli MT dan menerima jawapan mereka.

"Jawatankuasa Teknikal akan memanggil pemimpin dari bahagian Bandar Tun Razak untuk memberi penjelasan dan akan mengemukakan laporan itu untuk diputuskan MT," katanya.

Abdullah berkata, dalam mesyuarat itu jawatankuasa pengurusan turut mengkaji draf usul ucapan dasar presiden, agama dan ekonomi.

(END)